

ETNOSENTRISME: ANALISIS BIBLIOMETRIK

Siti Nor Azhani Mohd Tohar ⁱ, Siti Nor Baya Mat Yacob ⁱⁱ, Nur Izzati Nadia Mohd Dzolkifliⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. azhanitohar@usim.edu.my

ⁱⁱPensyarah, Pusat Pengajian Teras, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. snorbaya@usim.edu.my

ⁱⁱⁱPelajar Siswazah, Program Sains Sosial, Universiti Sains Islam Malaysia. izzatinadia@yahoo.com

Abstrak

Makalah ini adalah bertujuan untuk meninjau trend literatur berkaitan isu etnosentrisme dari 2019-2025 menggunakan analisis bibliometrik. 802 jurnal artikel berstatus Scopus telah dianalisis menggunakan VOSviewer versi 1.6.19 bagi melihat trend perbincangan isu etnosentrisme ini berlaku secara global. Kriteria pemilihan artikel ialah diterbitkan dalam lima tahun terkini (2019-2023); terhadap kepada bidang sains sosial, kesenian dan kemanusiaan serta psikologi; berbahasa Inggeris dan Melayu. Dapatan menunjukkan kata kunci etnosentrisme pengguna (consumer ethnocentrism) dan rasis adalah kata kunci yang terbanyak digunakan dan artikel jurnal tentang isu etnosentrisme banyak berlaku di negara Amerika Syarikat. Malaysia juga antara merupakan negara yang menyumbang kepada perbincangan isu etnosentrisme ini. Justeru, isu ini tidak boleh dipandang enteng terutamanya dalam sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian agama dan budaya seperti Malaysia.

Kata kunci: *rasis, bibliometrik, kepelbagaian kaum, Malaysia*

PENDAHULUAN

Makalah ini adalah untuk meninjau trend terkini isu etnosentrisme dalam perbincangan artikel jurnal secara global. Etnosentrisme sinonim dengan istilah egoisme kumpulan etnik (bizumic, 2019) yang cenderung untuk mengangkat tempat atau budaya etnik

sendiri sebagai standard untuk menilai etnik lain lebih rendah kedudukannya (Keith, 2019). Trend kajian etnosentrisme ini telah berlaku lebih dari seabad dan telah diterima sebagai satu fenomena universal manusia oleh ramai sarjana (Neto, 2022). Isu etnosentrisme ini penting dikaji kerana ia wujud secara meluas merentasi dunia dan zaman malahan, wujud sejak dari zaman pra sejarah lagi (Bizumic, 2019). Justeru, persoalan kajian bagi makalah ini ialah i) Apakah trend penulisan terkini berkenaan isu etnosentrisme secara global? dan ii) Apakah tema popular yang digunakan oleh para penyelidik berkenaan isu etnosentrisme?

METODOLOGI KAJIAN


Makalah ini menggunakan penyelidikan kualitatif dengan kaedah analisis bibliometrik. Pengkaji menganalisis artikel jurnal berstatus lima tahun terkini mulai 2019 sehingga 25 Mei 2023 dari database Scopus. Data dianalisis menggunakan perisian VOSviewer versi 1.6.19 bagi melihat trend perbincangan isu etnosentrisme ini berlaku secara global. Selain daripada artikel terbitan lima tahun terkini, kriteria pemilihan artikel juga terhadap kepada bidang sains sosial, kesenian dan kemanusiaan serta psikologi; dan hanya artikel berbahasa Inggeris dan Melayu dipilih. Metodologi ini dipilih bersandarkan kepada persoalan kajian utama yang ingin mengetahui, bagaimanakah perkembangan perbincangan literatur mengenai isu etnosentrisme ini berlaku dari tahun ke tahun? Dalam konteks negara yang menerajui

perbincangan etnosentrisme dan tema utama yang berkaitan rapat dengan isu etnosentrisme.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Daripada Jadual 1 menunjukkan jumlah artikel yang membincangkan isu etnosentrisme dari tahun ke setahun. Pada 2020 berlaku sedikit penurunan sebanyak 16 artikel berbanding tahun sebelumnya. Ini dipercayai impak daripada masalah penularan Covid 19 yang memberi impak besar kepada semua sektor (Haleem, Javaid, Vaishya & Deshmukh, 2020). termasuk bidang penyelidikan yang banyak beralih fokus ke penyelidikan tentang pembelajaran digital/secara maya (e-learning) (Rashid & Yadav, 2020). Namun bilangan literatur bertambah pada tahun 2021 dengan bilangan sebanyak 204 artikel. 2022 memperlihatkan sedikit penurunan yang dipercayai tahun yang mengalami kerencaman ekonomi yang memungkinkan kajian kurang dijalankan.


Rajah 1. Jumlah Artikel Diterbitkan Mengikut Tahun



Walaupun dunia telah memasuki fasa kemodenan namun isu etnosentrisme masih lagi berlaku secara global. Jadual 2 menunjukkan trend penerbitan yang berlaku mengikut negara. Amerika Syarikat merupakan negara tertinggi yang membincangkan isu ini secara akademik.

Kajian mengenai etnosentrisme dalam kalangan minoriti dan imigran di Amerika Syarikat sememangnya agak tinggi. Malahan faktor etnosentrisme merupakan faktor peramal tertinggi dan paling tepat yang boleh mempengaruhi sikap seseorang terhadap imigran (Miller, 2020) dan telah bermula dahulu lagi dengan Dasar Aparteid mereka. Disusuli pula dengan perkembangan ideologi Islamofobia yang memungkinkan lagi perbincangan isu prejudis dan diskriminasi terhadap warga Amerika Muslim (Kassra, Karam & Matthew, 2021). Malaysia juga tidak terkecuali merupakan negara ke 12 tertinggi berkenaan penerbitan etnosentrisme. Sebagai sebuah negara multietnik, perbincangan mengenai isu etnosentrisme tidak mustahil berlaku apatah lagi sekiranya ia dibincangkan bersama isu nasionaliti.

Rajah 2. Penerbitan Artikel Mengikut Negara




Jadual 1. Penerbitan Artikel Mengikut Negara

	Negara	Artikel	Sitasi
1	united states	215	994
2	united kingdom	82	329
3	australia	45	211
4	canada	41	107
5	germany	34	222

6	spain	29	67
7	china	28	111
8	italy	23	29
9	poland	22	142
10	india	21	21
11	israel	20	47
12	malaysia	19	68
13	turkey	19	46
14	south africa	18	19
15	new zealand	14	57
	russian		
16	federation	14	52
17	denmark	13	119
18	japan	13	91
19	netherlands	13	88
20	norway	13	60

Terma tertinggi yang berkait dengan etnosentrisme ialah etnosentrisme pengguna (*consumer ethnocentrism*). Malaysia sendiri tidak terkecuali dengan perbincangan mengenai isu etnosentrisme pengguna yang mempengaruhi paten pembelian yang dicirikan dengan faktor etnisiti (Abdul-Latif, 2022; Tengku Jasmi, Syed Mukhiar & A Rahman, 2022; Teo, Thurasamy & Ho, 2022).). Selain itu, etnosentrisme amat berkait dengan isu rasis, nasionaliti, budaya, identiti dan prejudis. Ini kerana personaliti, nilai, moral, demografi, ideologi politik, faktor sosial, prejudis, diskriminasi dan nasionaliti merupakan faktor sebab akibat kepada etnosentrisme (bizumic, 2019).

Rajah 3. Penerbitan Artikel Mengikut Tema/Kata Kunci



KESIMPULAN

Isu etnosentrisme merupakan isu yang sentiasa dibincangkan sedari dulu hingga kini di hampir seluruh negara. Ini menunjukkan bahawa isu etnosentrisme ini masih wujud dan mekanisme mengatasinya perlu sentiasa seiring dengan perkembangan masa dan zaman. Etnosentrisme ini menjadi wacana global kerana ia memberi implikasi negatif kepada pertumbuhan ekonomi, pendidikan, perkembangan sains dan teknologi, apatah lagi keutuhan struktur sosial sesebuah masyarakat. Malaysia sebagai sebuah negara multi etnik yang mempunyai kerencaman agama, budaya dan bangsa perlu sentiasa cakna dan mengambil serius kewujudan isu etnosentrisme ini bagi terus memelihara

keutuhan semangat kekitaan yang menjitukan perpaduan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) di bawah geran Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2022/SS10/USIM/03/2).

RUJUKAN

- Haleem, A., Javaid, M., Vaishya, R., & Deshmukh, S.G. (2020). Areas of academic research with the impact of COVID-19. *The American Journal of Emergency Medicine*. Volume 38, Issue 7, 1524-1526, <https://doi.org/10.1016/j.ajem.2020.04.022>.
- Bizumic, B. (2019). *Ethnocentrism: Integrated Perspectives*. London & New York: Routledge. In Keith (ed.), *Cross-cultural Psychology: Contemporary Themes and Perspective. 2nd Edition*. John Wiley & Sons Ltd.
- Kassra A. R. Oskooii, Karam Dana & Matthew A. Barreto (2021). Beyond generalized ethnocentrism: Islam-specific beliefs and prejudice toward Muslim Americans. *Politics, Groups, and Identities*, 9:3, 538-565, DOI: 10.1080/21565503.2019.1623053
- Keith, K. D. (2019). *Ethnocentrism: Seeing the World from Where We Stand*.
- Miller, S. V. (2020) Economic anxiety or ethnocentrism? An evaluation of attitudes toward immigration in the U.S. from 1992 to 2017, *The Social Science Journal*, DOI: 10.1080/03623319.2020.1782638
- Neto, J. & Neto, F. (2022). Ethnocentrism: A Short Form Measure (SFGENE-7). *Original Research*, April-June 2022, 1-12.
- Abdul-Latif, S.-A. and Abdul-Talib, A.-N. (2022), "An examination of ethnic-based consumer ethnocentrism and consumer animosity", *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 13 No. 4, pp. 781-806. <https://doi.org/10.1108/JIMA-08-2019-0165>
- Rashid, S., & Yadav, S. S. (2020). Impact of Covid-19 Pandemic on Higher Education and Research. *Indian Journal of Human Development*, 14(2), 340-343. <https://doi.org/10.1177/0973703020946700>
- Tengku Jasmi, T. N. R., Syed Mukhiar, S. N., & A Rahman, N. A. (2022). The Impact Of Consumer Racism, Ethnocentrism And Animosity Among Races In Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 5(2), 99-114. <https://doi.org/10.37231/apj.2022.5.2.429>
- Teo, P., Thurasamy, R., & Ho, T. C. F. (2022). Does Consumer Ethnocentrism Matters on Brand Origin Recognition Accuracy (BORA) of Young Malay Muslims in Malaysia?. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)* Vol. 13 No. 03 (2022), 555-564